

04 SEP 2000

Mahathir-Ringggit/I

PENGHARAMAN AKAN DITARIK BALIK JIKA IMF HENTIKAN URUSNIAGA MATAWANG

Oleh: Mohamed Kamel Othman

CHICAGO, 4 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengharaman urusan ke atas ringgit akan hanya ditarik balik sekiranya Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menghentikan orang ramai daripada menjalankan aktiviti urusan matawang.

Perdana Menteri berkata beliau tidak melihat sebarang alasan mengapa matawang perlu diniagakan kerana matawang bukan sejenis komoditi.

Ia tidak mempunyai sebarang nilai, lainlah kalau kerajaan atau orang ramai mengiktirafkannya, kata beliau.

"Ia bukannya seperti kopi, teh, gula, getah atau timah. Benda-benda ini adalah komoditi ... sesuatu yang nyata. Matawang pula hanyalah sekeping kertas," kata Dr Mahathir pada sesi dialog dengan ahli-ahli Kelab Malaysia di Chicago di sini.

Perdana Menteri tiba di sini pada hari Jumaat dalam rangka lawatannya ke Chicago selama tiga hari.

"Anda boleh tulis AS\$1,000 di situ dan ia menjadi AS\$1,000. Jika anda bercadang untuk membatalkannya dan menulis AS\$10,000, maka jadilah ia AS\$10,000. Ia cumalah kepingan kertas yang tidak mempunyai nilai langsung," kata beliau.

"Dan mengapa kita harus menarik balik pengharaman ke atas urusan ringgit? Kita akan menarik balik pengharaman apabila orang ramai menghentikan urusan ke atas matawang," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kadar tukaran yang tetap tidak mencederakan sesiapa, tidak seperti urusan matawang di mana apabila "mereka menurunkan nilai matawang kita, kata akan menjadi miskin."

Malaysia pulih dengan cepat daripada krisis kewangan 1997 kerana kadar matawang yang tetap yang dilaksanakan, kata perdana menteri.

Dr Mahathir memberi contoh, iaitu sebelum krisis kewangan, rupiah Indonesia ialah pada 2,500 berbanding AS\$1 dan selepas ia "diserang," matawang rupiah merosot kepada 16,000 rupiah berbanding AS\$1.

"Bila kita menurun nilai satu-satu matawang itu, kita hanya mewujudkan banyak masalah dan kemiskinan ... dan dalam kes Indonesia, masyarakat di sana memulakan rusuhan kerana mereka miskin. Jadi, mengapa kita mahu menjalankan urusan matawang."

Tetapi, IMF berkata itu adalah hak peniaga-peniaga matawang, kata Dr Mahathir.

"Mungkin betul untuk mereka (menjalankan aktiviti urusan matawang) dan ianya salah pada kita," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata Malaysia telahpun memberitahu Bank Dunia dan IMF yang kerangka kewangan antarabangsa perlu diperbaiki supaya urusan matawang ini dapat dihentikan.

"Jika orang ramai perlu menukar matawang, ia juga boleh dilakukan oleh kerajaan yang menetapkan kadar matawang. Jika ingin melakukan urusan, para peniaga tidak perlu meminjam sejumlah besar wang dari bank," kata Dr Mahathir.

Beliau mendapati para peniaga dibenarkan meminjam antara 20 dan 200 kali daripada modal yang mereka ada dan kemudiannya mula menjual "matawang kita".

"Jika bank pusat membeli matawang, kita perlu menggunakan rizab kita dan jika kita terus membeli matawang sendiri dengan rizab tukaran asing, akhir sekali kita langsung ketiadaan rizab asing."

"Mengapa kita perlu ada sistem sebegini. Saya dapati tiada alasan untuk itu," kata Dr Mahathir.

"Saya tidak boleh mempengaruhi orang ramai dan memandangkan saya tidak boleh mempengaruhi mereka, maka dengan sendirinya mereka harus menghentikannya. Saya tidak akan terpengaruh yang kita harus menghentikan

sistem kita," kata perdana menteri.

-- BERNAMA

MKO FR AA MA